

13/11/1997

Amerika ditegah buat siasatan

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia tidak akan membenarkan Amerika Syarikat (AS) membuat siasatan terhadap Petronas berhubung rancangan syarikat minyak dan gas nasional itu untuk melabur di Iran, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, pendirian itu dibuat berikutan Kabinet hari ini memutuskan sebagai negara merdeka dan berdaulat, Malaysia harus diberi kebebasan untuk menentukan pilihannya sendiri berhubung sebarang pelaburan.

Katanya, Kabinet juga membuat kenyataan bahawa dasar pelaburan Malaysia ialah semua syarikatnya, termasuk milik kerajaan atau swasta berhak bekerjasama, melabur atau berurus niaga dengan mana-mana syarikat dari negara lain.

"Kita bersedia berbincang dengan sesiapa juga dengan cara yang baik tetapi cadangan (AS) melakukan siasatan berhubung pelaburan Petronas, ditolak oleh Kabinet," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya, petang ini.

Wisma Putra dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini menyatakan ia sedia menerima kedatangan Timbalan Setiausaha Negara AS bagi Tenaga, Sekatan dan Komoditi, William Ramsay.

Ramsay dijangka tiba minggu depan untuk menjelaskan kepada negara ini mengenai Akta Sekatan Iran-Libya.

"Sementara negara mengalu-alukan kehadiran mana-mana wakil dari luar berkunjung ke Malaysia, kita tidak bersetuju dengan percubaan mereka untuk mengadakan siasatan.

"Sebaik mendapat makluman rasmi mengenai kedatangan wakil AS itu, kita akan maklumkan bahawa mereka dipersilakan datang dan berkunjung ke Malaysia serta membuat lawatan atau kajian tentang perkembangan politik serta ekonomi tetapi tidak akan diberi hak berkaitan siasatan," kata Anwar.

Ditanya sama ada mereka akan dibenarkan jika sekadar mahu `bercakap' dengan Petronas, Anwar berkata ia bergantung kerana berpendapat perkara itu ialah satu proses biasa.

"Saya tak mahu membuat sebarang anggapan tetapi jika mereka datang secara rasmi sebagai sebahagian daripada usaha siasatan, saya rasa tidak wajar untuk mereka (wakil AS) untuk berjumpa dengan Petronas pun," katanya.

Kenyataan Wisma Putra itu menyebut: "Memandangkan penjelasan daripada Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur bahawa objektif lawatan Ramsay ialah untuk menjelaskan rasional di sebalik Akta Sekatan Iran-Libya, Wisma Putra sedia menerima beliau untuk memberi penjelasan."

Bagaimanapun, kenyataan itu menegaskan Akta Sekatan Iran-Libya tidak akan digunakan di negara ini seperti mana ia dilaksanakan mengikut undang-undang AS untuk rakyat dan syarikat di negara itu.

Kenyataan itu turut menjelaskan pelaburan Petronas di Iran mengikut undang-undang Malaysia dan antarabangsa dan oleh itu syarikat berkenaan tidak tertakluk kepada apa juga bentuk siasatan oleh AS atau pihak berkuasa luar lain.

Pentadbiran Presiden Bill Clinton, sebelum ini, menyatakan akan menghantar pasukan penyiasat ke sini dan Jakarta, untuk menyiasat Petronas serta Kumpulan Bakrie dari Indonesia kerana menjalankan perniagaan dengan Iran dan sejauh mana ia melanggar Akta Sekatan Iran-Libya.

Akta berkenaan digubal untuk menghalang pelaburan asing di Iran yang

didakwa AS sebagai antara negara penaja keganasan.

Petronas menganggotai sebuah konsortium bersama Gazprom (Russia) dan Total SA (Perancis) yang melabur AS\$2 bilion (RM6.6 bilion) untuk mengepam gas asli dari perairan South Pars, Iran. Syarikat terbabit masing-masing memegang ekuiti 30, 30 dan 40 peratus.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan AS tidak boleh mengamalkan tindakan berat sebelah dengan hanya menghalang negara lemah menjalankan perdagangan dengan negara tertentu sebaliknya, membiarkan negara kuat meneruskan tindakan.

"Jika mereka mahu menghalang kita daripada menjalankan perdagangan dengan Iran, kita tidak akan menerima perkara itu kerana jika mereka mahu menghalang kita, mereka juga mesti menghalang Russia, Perancis dan negara lain juga," katanya.

(END)